

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

34. Nyatakan jumlah kilometer jalan yang di bawah penyelenggaraan MBPP dan apakah kos penyelenggaraan setiap tahun mulai tahun 2020?
- (a) Adakah MBPP akan memperbaiki jalan yang di bawah penyelenggaraan JKR apabila banyak aduan diterima?
 - (b) Adakah benar MBPP akan mengambil alih jalan di bawah penyelenggaraan JKR?
 - (c) Sekiranya ada, bila akan mengambil alih ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

34. Jumlah panjang jalan di bawah penyeliaan dan penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sepanjang 349.96 kilometer dan jumlah kos penyelenggaraan bagi tempoh tahun 2020 sehingga September 2025 adalah sebanyak RM95.2 juta (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Lima Juta Dua Ratus Ribu Sahaja). Pecahan kos penyelenggaraan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
2020	17.6 juta
2021	16.6 juta
2022	15.0 juta
2023	20.3 juta
2024	16.1 juta
2025 (sehingga September 2025)	9.6 juta
JUMLAH KESELURUHAN	95.2 juta

- (a) Pihak MBPP tidak bertanggungjawab untuk memperbaiki jalan yang berada di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana bidang kuasa penyelenggaraan jalan telah ditetapkan berdasarkan garis panduan semasa yang sedang berkuat kuasa dan bidang kuasa agensi masing-masing.

Pihak MBPP melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan berdasarkan kepada Garis Panduan MARRIS 4.0 yang

dikemas kini pada 01 Oktober 2024 dan Garis Panduan Penyelarasan Penyelenggaraan Infrastruktur Antara Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang yang berkuat kuasa mulai pada 01 Ogos 2019.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat banyak aduan berkaitan jalan di bawah seliaan JKR, pihak MBPP akan mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- (i) Memanjangkan aduan kepada pihak JKR untuk perhatian dan tindakan lanjut;
 - (ii) Berurusan secara rasmi dengan pihak JKR bagi mempercepat proses pembaikan; dan
 - (iii) Membantu menyediakan langkah sementara seperti pemasangan papan tanda amaran atau penutupan laluan demi keselamatan pengguna jalan raya.
- (b) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 10 Tahun 2025 pada 9 April 2025 dan disahkan pada 16 April 2025,

pihak MBPP akan mengambil alih jalan di bawah penyelenggaraan JKR bagi jalan-jalan dalam kawasan taman perumahan dan jalan bandaran di luar kawasan *George Town City Limit* berkuat kuasa mulai pada 01 Januari 2028.

- (c) Pihak MBPP akan mengambil alih jalan di bawah penyelenggaraan JKR bagi jalan-jalan dalam kawasan taman perumahan dan jalan bandaran di luar kawasan *George Town City Limit* berkuat kuasa mulai pada 01 Januari 2028.